

lokal

ANGGOTA APM Sri Aman membantu anggota bomba memadam kebakaran belukar di Kampung STC.



ANCAMAN JEREBU

Bara panas membara

Hanya lima hektar kawasan belukar di Kampung STC masih mengeluarkan asap

Oleh Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

Sri Aman

Operasi memadam kebakaran belukar di Kampung STC di sini, semalam diteruskan dengan menggunakan pesawat Bombardier CL-415 milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melakukan pengeboman air.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Sarawak, Tiong Ling Hii berkata, pesawat berkenaan perlu melaksanakan operasi pada waktu pagi berikutan air Sungai Lingga dijangka surut pada waktu petang.

"Air sungai surut dikhuatiri menyukarkan pesawat itu mengambil air, sebab itu operasi pengeboman air dimulakan seawal jam 9.30 pagi hari ini (semalam)," katanya.

Selain itu katanya, anggota bomba turut memadam kebakaran di kawasan itu sepanjang malam kelmarin berikutan masih banyak kawa-



Setiap anggota yang terbabat dalam operasi pada waktu malam juga dibekalkan dengan lampu suluh kepala"

Tiong Ling Hii

san di tanah gambut itu mengeluarkan asap.

Beliau berkata, anggota dibekalkan dengan parang un-

tuk tujuan keselamatan berikutan kawasan operasi yang sukar.

"Setiap anggota yang terbabat dalam operasi pada waktu malam juga dibekalkan dengan lampu suluh kepala bagi memudahkan pergerakan," katanya.

Sehingga jam 9 semalam, kira-kira 50 hektar daripada hampir 55 hektar kawasan yang terbakar berjaya dipadamkan.

Tiong berkata, dianggarkan hanya lima hektar lagi kawasan yang masih menge-

luarkan asap kerana api marak di dalam tanah.

"Kawasan lima hektar yang masih berasap itu pula bertompok-tompok dan ini yang perlu ditangani dengan pesawat," katanya.

Berdasarkan maklumat laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) hanya tiga kawasan di Sarawak mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat sehingga jam 10 pagi ini iaitu Sri Aman yang meningkat semula dengan bacaan 195, Kuching (135) dan Samarahan (135).

